# SOALAN LAZIM
# KEMPEN PEWARISAN ASNB DI MINGGU SAHAM DIGITAL 2021

<table>
<tr><th>NO.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Boleh saya tahu lebih lanjut mengenai “Kempen Pewarisan ASNB di Minggu Saham Digital 2021”?</td><td>Kempen ini bertujuan menggalak lebih ramai pemegang unit melakukan pra-daftar online dan melanggan perkhidmatan Pewarisan ASNB semasa Tempoh Kempen Minggu Saham Digital 2021 (“MSD 2021”) dengan memberi pengetahuan mengenai segmen Pewarisan ASNB.<br><br>Hanya sepuluh (10) Peserta yang akan dipilih untuk menerima tawaran kempen dan Peserta harus memenuhi kesemua kriteria kempen seperti yang dinyatakan dalam Soalan Lazim No. 5.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Apakah promosi yang ditawarkan sepanjang kempen ini?</td><td>Sepuluh (10) Peserta terawal yang melaksanakan pra-daftar online Pewarisan ASNB dan mendaftar kehadiran dengan butiran lengkap di segmen Pewarisan ASNB MSD 2021 akan dipilih untuk menerima tawaran kempen (“Peserta Terpilih”) seperti di bawah:<br><br>
<table>
<tr><th>Penerangan</th><th>Yuran Pewarisan ASNB</th></tr>
<tr><td>Laksana Pra-daftar online Pewarisan ASNB dan sertai segmen Pewarisan ASNB di MSD 2021 untuk berpeluang menerima yuran pendaftaran percuma – Terhad kepada sepuluh (10) pemegang unit sahaja</td><td>Percuma</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Bilakah Tempoh Kempen?</td><td>Kempen ini bermula semasa Minggu Saham Digital 2021 (MSD 2021) pada 17 November 2021 hingga 23 November 2021 (“Tempoh Kempen”).</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Siapa yang layak untuk menyertai kempen ini</td><td>Kempen ini terbuka kepada yang berikut:<br>(i) Pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas;<br>(ii) Memenuhi kelayakan melanggan perkhidmatan Pewarisan ASNB;<br>(iii) Peserta belum pernah mendaftar perkhidmatan Pewarisan ASNB;<br>(iv) Peserta adalah pemegang unit sekurang-kurangnya salah satu daripada tabung unit amanah ASNB yang dinyatakan di bawah; dan<br><br>
<table>
<tr><th>Harga Tetap</th><th>Harga Berubah</th></tr>
<tr><td>1) ASB</td><td>1) ASN</td></tr>
<tr><td>2) ASB 2</td><td>2) ASN Equity 2</td></tr>
<tr><td>3) ASB 3 Didik</td><td>3) ASN Equity 3</td></tr>
<tr><td>4) ASM</td><td>4) ASN Equity 5</td></tr>
<tr><td>5) ASM 2 Wawasan</td><td>5) ASN Equity Global *</td></tr>
<tr><td>6) ASM 3</td><td>6) ASN Imbang 1</td></tr>
<tr><td rowspan="4">[redacted]</td><td>7) ASN Imbang 2</td></tr>
<tr><td>8) ASN Imbang 3 Global</td></tr>
<tr><td>9) ASN Sara 1</td></tr>
<tr><td>10) ASN Sara 2</td></tr>
</table>
Nota : * ASN Equity Global akan layak untuk pendaftaran Pewarisan ASNB bermula 1 Disember 2021.<br><br>(v) Peserta perlu mengekalkan baki minimum Satu Ribu (1,000) unit (tidak termasuk pinjaman/unit bercagar/Skim Pelaburan Ahli</td></tr>
</table>

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)) bagi setiap tabung unit amanah ASNB yang hendak didaftarkan di bawah Pewarisan ASNB. |
| 5 | **Apakah kriteria untuk menyertai kempen ini?** | 1. Untuk menyertai kempen, Peserta perlu melakukan dan melengkapkan perkara berikut semasa Tempoh Kempen:<br>(i) Berjaya melaksanakan dan melengkapkan pra-daftar online Pewarisan ASNB melalui Portal myASNB di www.myasnb.com.my;<br>(ii) Menyertai segmen Pewarisan ASNB di MSD 2021 dengan kehadiran lengkap dan perlu mendaftarkan butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan oleh hos program. Peserta yang gagal mendaftar dan memberikan butiran mereka tidak layak menerima tawaran kempen.<br><br>2. Sepuluh (10) Peserta terawal yang melaksanakan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB, telah mendaftar butiran terperinci mereka melalui pautan yang diberikan semasa segmen Pewarisan ASNB dan mempunyai kehadiran lengkap untuk segmen Pewarisan ASNB akan dipilih untuk menerima tawaran kempen.<br><br>3. Peserta Terpilih mestilah melengkapkan permohonan Perkhidmatan Pewarisan ASNB dengan menyerahkan dokumen yang diperlukan seperti senarai di bawah (“dokumen lengkap”) ke cawangan ASNB dari 29 November 2021 hingga 27 Disember 2021, ("tempoh yang ditetapkan"):<br>(i) Surat Kuasa Wakil;<br>(ii) Dokumen salinan pengenalan diri Pemberi, Penerima/Penjaga dan Saksi yang telah disahkan benar dari salinan asal; dan<br>(iii) Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A) (Aqad) yang telah ditandatangani oleh Pemberi Hibah, Penerima Hibah/Penjaga Hibah dan Saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja)<br><br>**Pemegang Unit digalakkan membaca Terma & Syarat untuk memahami mekanisme kempen ini.<br><br>Berikut adalah **<u>contoh</u>** beberapa senario untuk menggambarkan bagaimana untuk memenuhi syarat mendapat tawaran kempen yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma:<br><br>***<u>Senario 1:</u>***<br>*Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 16 November 2021. Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021 dan mendaftar butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan semasa segmen tersebut. Peserta <u>tidak layak</u> untuk tawaran kempen kerana pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB dilakukan sebelum Tempoh Kempen.*<br><br>***<u>Senario 2:</u>***<br>*Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021 dan mendaftar butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan semasa segmen tersebut. Kehadiran Peserta untuk segmen Pewarisan ASNB adalah lengkap. Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 24 November 2021. Peserta <u>tidak layak</u> untuk tawaran kempen* |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | *kerana pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB dilakukan selepas Tempoh Kempen.*<br><br>***<u>Senario 3:</u>***<br>*Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021. Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 19 November 2021. Berdasarkan senarai pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB, Peserta adalah antara sepuluh (10) Peserta pertama yang berjaya melaksanakan pra-daftar. Walau bagaimanapun, kehadiran Peserta di dalam segmen Pewarisan ASNB tidak lengkap dan Peserta tidak mendaftar butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan semasa segmen tersebut. Peserta <u>tidak layak</u> untuk tawaran kempen.*<br><br>***<u>Senario 4:</u>***<br>*Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021. Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 19 November 2021. Berdasarkan senarai pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB, Peserta adalah antara sepuluh (10) Peserta pertama yang berjaya melaksanakan pra-daftar. Kehadiran Peserta di segmen Pewarisan ASNB adalah lengkap tetapi Peserta tidak mendaftarkan butiran terperinci mereka melalui pautan yang diberikan semasa segmen Pewarisan ASNB. Peserta <u>tidak layak</u> untuk tawaran kempen.*<br><br>***<u>Senario 5:</u>***<br>*Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021. Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 19 November 2021. Berdasarkan senarai pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB, Peserta adalah antara sepuluh (10) Peserta pertama yang berjaya melaksanakan pra-daftar. Kehadiran Peserta di dalam segmen Pewarisan ASNB adalah lengkap tetapi butiran terperinci Peserta yang telah didaftarkan melalui pautan yang diberikan semasa segmen Pewarisan ASNB tidak dilengkapkan dengan sempurna. Peserta <u>tidak layak</u> untuk tawaran kempen.*<br><br>***<u>Senario 6:</u>***<br>*Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021 dan mendaftar butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan semasa segmen tersebut. Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 23 November 2021. Berdasarkan senarai pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB, Peserta adalah antara sepuluh (10) Peserta pertama yang berjaya melaksanakan pra-daftar Pewarisan ASNB, butiran terperinci yang didaftarkan melalui pautan adalah lengkap dan kehadiran Peserta di dalam segmen Pewarisan ASNB juga lengkap. Peserta <u>layak</u> untuk tawaran kempen.*<br><br>*Peserta Terpilih telah dihubungi oleh ASNB dan dimaklumkan untuk menyerahkan dokumen lengkap di cawangan ASNB terdekat pada tempoh yang ditetapkan. Peserta Terpilih menyerahkan dokumen yang lengkap di cawangan ASNB yang dipilih pada 1 Disember 2021. Peserta Terpilih Peserta layak menerima tawaran kempen yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma.*<br><br>***<u>Senario 7:</u>***<br>*Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021 dan mendaftar butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan semasa segmen tersebut. Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 23 November 2021. Berdasarkan senarai pra-daftar online* |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | *untuk Pewarisan ASNB, Peserta adalah antara sepuluh (10) Peserta pertama yang berjaya melaksanakan pra-daftar Pewarisan ASNB, butiran terperinci yang didaftarkan melalui pautan adalah lengkap dan kehadiran Peserta di dalam segmen Pewarisan ASNB juga lengkap. Peserta layak untuk tawaran kempen.*<br><br>*Peserta Terpilih telah dihubungi oleh ASNB dan dimaklumkan untuk menyerahkan dokumen lengkap di cawangan ASNB terdekat pada tempoh yang ditetapkan. Peserta Terpilih menyerahkan dokumen yang lengkap di cawangan ASNB yang dipilih pada28 Disember 2021. Peserta Terpilih tidak layak menerima yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma kerana serahan dokumen lengkap adalah selepas tarikh penyerahan 27 Disember 2021.*<br><br>***Senario 8:***<br>*Peserta menghadiri segmen Pewarisan ASNB semasa MSD 2021 dan mendaftar butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan semasa segmen tersebut. Peserta melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 18 November 2021. Berdasarkan senarai pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB, Peserta adalah antara sepuluh (10) Peserta pertama yang berjaya melaksanakan pra-daftar Pewarisan ASNB, butiran terperinci yang didaftarkan melalui pautan adalah lengkap dan kehadiran Peserta di dalam segmen Pewarisan ASNB juga lengkap. Peserta layak untuk tawaran kempen.*<br><br>*Peserta Terpilih telah dihubungi oleh ASNB dan dimaklumkan untuk menyerahkan dokumen lengkap di cawangan ASNB terdekat pada tempoh yang ditetapkan. Peserta Terpilih menyerahkan dokumen yang lengkap di cawangan ASNB yang dipilih pada 3 Januari 2022. Peserta Terpilih tidak layak* menerima *yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma kerana serahan dokumen lengkap adalah selepas Tempoh Kempen.* |
| 6 | **Saya telah melengkapkan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB pada 17 November 2021. Adakah saya layak dipilih sebagai salah satu daripada sepuluh (10) Peserta untuk menerima tawaran kempen?** | Untuk disenarai pendek sebagai calon penerima tawaran kempen, Peserta harus memenuhi semua kriteria yang disebutkan dalam Soalan Lazim No. 5<br><br>Sekiranya semua atau salah satu kriteria tidak lengkap, Peserta tidak akan layak disenarai pendek dan/atau dipilih untuk menerima tawaran kempen. |
| 7 | **Bagaimana saya akan mengetahui jika saya adalah salah satu daripada sepuluh (10) Peserta terpilih untuk menerima tawaran kempen?** | ASNB akan menghubungi Peserta Terpilih untuk memaklumkan kelayakan mereka untuk menerima yuran pendaftaran percuma perkhidmatan Pewarisan ASNB dan perlu menyerahkan dokumen lengkap ke cawangan ASNB yang ditentukan oleh Peserta dalam tempoh yang ditetapkan untuk melengkapkan proses permohonan. |
| 8 | **Sebagai salah seorang daripada sepuluh (10) Peserta terpilih untuk menerima tawaran kempen, apa yang akan terjadi sekiranya saya menyerahkan dokumen lengkap selepas 27 Disember 2021?** | Anda mesti menyerahkan dokumen lengkap ke cawangan ASNB yang anda tentukan dari 29 November 2021 - 27 Disember 2021 untuk melengkapkan proses pendaftaran dan untuk membolehkan cawangan ASNB menyelesaikan proses permohonan. Kegagalan Peserta untuk berbuat demikian akan menyebabkan Peserta tidak akan menerima tawaran kempen tersebut. |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 9 | **Bolehkah Peserta yang terpilih untuk menerima tawaran kempen membuat penambahan unit amanah yang lain selain daripada unit amanah yang telah di pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB semasa Tempoh Kempen?** | Tawaran kempen hanya layak untuk unit amanah yang telah ditentukan oleh Peserta semasa pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB ketika Tempoh Kempen.<br><br>Pada masa penyerahan dokumen di cawangan ASNB, sekiranya Peserta hendak membuat tambahan unit amanah baharu di dalam permohonan Pewarisan ASNB Peserta, tambahan unit amanah tersebut akan dikenakan yuran perkhidmatan sebanyak RM20.00.<br><br>*** Peserta boleh merujuk laman web ASNB di www.asnb.com.my untuk senarai yuran perkhidmatan Pewarisan ASNB. |
| 10 | **Bolehkah saya menyertai kempen ini jika saya belum mempunyai akaun ASNB?** | Tidak boleh. Anda perlu membuka akaun ASNB terlebih dahulu.<br><br>Anda boleh membuka akaun unit amanah ASNB di mana-mana cawangan ASNB atau ejen ASNB atau membuat pendaftaran secara atas talian melalui applikasi myASNB. Dokumen yang diperlukan ialah kad pengenalan anda. |
| 11 | **Saya bukan pengguna berdaftar Portal myASNB, bagaimana saya boleh menyertai kempen ini?** | Salah satu kriteria kempen ialah melaksanakan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB. Oleh itu, anda perlu menjadi pengguna berdaftar Portal myASNB untuk melakukan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB.<br><br>Bagi pemegang unit ASNB sedia ada, anda perlu memastikan bahawa anda telah mengemas kini nombor telefon bimbit anda di mana-mana cawangan ASNB atau Ejen sebelum mendaftar akaun Portal myASNB. |
| 12 | **Saya mempunyai unit amanah ASB dan ASN Sara 1. Saya telah mendaftar Pewarisan ASNB untuk ASB saya. Saya ingin menyertai kempen ini dan mendaftar Pewarisan ASNB untuk ASN Sara 1 saya. Adakah saya layak untuk tawaran kempen?** | Tidak layak. kempen ini hanya untuk permohonan pendaftaran Pewarisan ASNB yang baharu sahaja.<br><br>Pemegang unit boleh membuat tambahan tabung unit amanah ke kontrak sedia ada ataupun mendaftar kontrak tambahan di cawangan ASNB.<br><br>Sila rujuk laman web ASNB untuk maklumat lanjut. |
| 13 | **Saya hanya mempunyai unit amanah ASN Equity Global. Adakah saya layak untuk tawaran kempen?** | ASN Equity Global akan hanya layak untuk pendaftaran Pewarisan ASNB bermula 1 Disember 2021. |
| 14 | **Bolehkah saya mendaftar Pewarisan ASNB secara terus di cawangan ASNB dan tidak membuat pra-daftar online di Portal myASNB?** | Boleh. Walau bagaimanapun, anda tidak akan layak untuk menyertai kempen ini.<br><br>Untuk mendaftar Pewarisan ASNB terus di cawangan ASNB, anda perlu membuat janji temu melalui laman web ASNB di www.asnb.com.my. Peserta boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 - 7730 8899 atau melalui e-mel di asnbcare@pnb.com.my untuk bantuan. |
| 15 | **Bolehkah saya menyerahkan dokumen Hibah Amanah/ Pengisytiharan Amanah yang telah dilengkapkan di cawangan Ejen ASNB?** | Pada masa ini, hanya cawangan Maybank yang menawarkan perkhidmatan Pewarisan ASNB. Penyerahan dokumen lengkap ke cawangan Maybank untuk menyelesaikan proses permohonan akan tertakluk kepada yuran pendaftaran Pewarisan ASNB sebanyak RM180.00 kerana kempen ini hanya sah di cawangan ASNB sahaja. |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 16 | **Bilakah saya akan menerima kontrak Hibah Amanah/ Pengisytiharan Amanah saya setelah serahan dokumen lengkap dan pembayaran yuran dibuat?** | Pemegang unit akan menerima kontrak Hibah Amanah/ Pengisytiharan Amanah melalui pos di antara 30 hari hingga 60 hari dari tarikh serahan dibuat di cawangan ASNB. Dokumen tersebut akan di pos ke alamat pemegang unit yang telah didaftarkan di ASNB.<br><br>Pemegang unit juga boleh memohon untuk mengambil sendiri di cawangan ASNB di mana penyerahan dokumen lengkap dibuat. Bagi pengambilan sendiri oleh pemegang unit, cawangan ASNB akan menghubungi pemegang unit berkenaan. |
| 17 | **Siapa yang harus saya hubungi sekiranya memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut atau membuat janji temu?** | Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 -7730 8899 atau e-mel ke asnbcare@pnb.com.my untuk bantuan.<br><br>Untuk membuat janji temu, anda perlu melayari laman web ASNB di www.asnb.com.my dan memilih tarikh janji temu anda. |